

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS PERASMIAN PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGLIBATAN
IBUBAPA DALAM PENCEGAHAN DADAH

TEMPAT: PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA, KUALA LUMPUR

TARIKH: 26 OCT 1985

MASA:

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, dan salam
bahagia.

Yang Amat Berbahagia Dato Seri Datin Paduka
Dr. Siti Hasmah, Yang Di-Pertua BAKTI;
Dif-Dif Kehormat,
Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

Saya mengucapkan terima kasih kepada BAKTI kerana
memberi penghargaan kepada saya untuk menyampaikan ucapan di
Majlis ini dan seterusnya merasmikan Persidangan Kebangsaan
Penglibatan Ibu Bapa Dalam Pencegahan Dadah.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

2. Semenjak akhir tahun 1960an, negara kita telah
menghadapi masalah penagihan dadah di kalangan masyarakat
terutama golongan remaja. Fenomena ini merupakan satu
perubahan yang amat serius berbanding dengan keadaan
penagihan dadah sebelumnya. Sebelum ini golongan yang
terlibat ialah golongan tua yang menggunakan candu. Yang
menyebabkan masalah dadah menjadi lebih serius dan
membimbangkan sekarang ini, ialah kerana golongan yang
terlibat adalah golongan muda dalam lingkungan umur bawah 30
tahun, yang menjadi harapan bangsa dan negara. Tambahan
pula jenis dadah yang digunakan sekarang ialah heroin, dan
lain-lain dadah jenis baru yang bukan sahaja menjadikan
penagih tidak berguna kepada masyarakat tetapi juga kepada
dirinya sendiri. Dadah merosakkan badan dan otak dan membawa
maut dengan lebih awal.

3. Dadah biasa diguna oleh penjajah dahulu untuk
melemahkan keupayaan dan ketahanan sesuatu bangsa. Ini
berlaku kerana penagih dadah tidak dapat mempertahankan diri
daripada apa juga penindasan yang dilakukan ke atasnya.
Penagih tidak mempunyai maruah, tidak dapat bekerja kuat,
tidak mempunyai moral, mudah terlibat dengan jenayah, mudah
ditindas dan diarah oleh pengedar untuk membuat apa sahaja.
Jika penagih terdiri daripada anggota angkatan tentera atau
polis, maka keselamatan negara tidak lagi dapat dijamin.
Sebahagian besar daripada pendapatan rakyat dan negara akan
lesap kerana pembelian dadah. Keluarga penagih dadah tidak
akan hidup sempurna kerana kerap juga penagih jadi gila,
mencuri dari keluarga sendiri untuk mendapat dadah. Pendek

kata, jika penggunaan dadah berkembang di kalangan rakyat, huru hara akan berlaku, keluarga dan masyarakat akan menjadi lemah dan akhirnya negara akan hancur atau dikuasai oleh orang lain.

4. Memandang kepada hakikat inilah maka Kerajaan telah mengambil sikap yang tegas terhadap pengedaran dadah. Hukuman mati akan dikenakan kepada sesiapa yang memiliki dadah yang melebihi had tertentu. Siapa juga, sama ada warganegara Malaysia atau warganegara asing akan dikenakan hukuman yang sama. Tidak ada tolak ansur bagi mereka yang sebenarnya membunuh lebih ramai rakyat negara ini secara perlahan-lahan. Pengedar dadah adalah manusia yang tidak berperikemanusiaan, penjenayah yang kejam dan pembunuh. Sesiapa yang berminat menjadi pengedar harus ingat bahawa akhirnya riwayat mereka akan tamat di tali gantung. Harta yang mereka perolehi dari jenayah mereka itu akan dirampas. Tiada maaf bagi mereka.

5. Sementara itu Kerajaan telah menambah kemudahan rawatan dan pemulihan kepada mereka yang terlibat dengan penagihan dadah. Dari tahun 1983 hingga Ogos 1985, seramai 13,239 orang penagih dadah telah mengikuti program rawatan dan pemulihan berbanding dengan seramai 9,142 orang sahaja dari tahun 1980 hingga 1982. Ini cuma sebahagian yang kecil sahaja dari bilangan penagih. Harus diingat di sini bahawa bukan sahaja wang yang banyak terpaksa dibelanjakan untuk merawat mereka ini tetapi potensi bekerja dan daya pengeluaran mereka juga hilang. Namun demikian usaha masih dibuat untuk menambahkan lagi kemudahan rawatan dan pemulihan serta meningkatkan lagi keberkesanan pelaksanaan program tersebut. Jika perbelanjaan rawatan dan pemulihan oleh Kerajaan dan masyarakat dijumlahkan dengan perbelanjaan pembelian dadah oleh penagih, maka jelaslah bahawa ratusan juta ringgit wang negara hilang tanpa faedah.

6. Pengetahuan, kefahaman dan kesedaran mengenai bahaya dan ancaman dadah kepada masyarakat adalah perlu untuk mengelakkan lebih ramai lagi anggota masyarakat daripada terlibat dengan penagihan dadah. Oleh itu, Kerajaan telah melancarkan kempen anti dadah di seluruh negara secara meluas dan kempen ini akan berterusan. Program-program pendidikan dan pencegahan telah dipergiatkan khususnya untuk melindungi golongan remaja kita supaya tidak terlibat dengan dadah dan menanamkan sikap benci dadah di kalangan mereka.

7. Dalam usaha menentang dadah, nilai-nilai budaya kita yang lama patut dihidupkan semula. Kita telah menyaksikan bagaimana dalam masyarakat Barat perkembangan penagihan dadah mempunyai kaitan dengan keruntuhan moral dan penolakan agama. Dengan demikian kita harus menolak aspek kebudayaan barat yang boleh menghakis nilai-nilai budaya kita yang murni itu. Usaha-usaha menerapkan semula nilai-nilai budaya kita seperti adat bersopan-santun, menghormati ibubapa, orang tua dan keluarga oleh generasi muda boleh menolong membendung merebaknya masalah dadah di kalangan masyarakat kita. Kita juga hendaklah berpegang teguh kepada ajaran

agama. Sekiranya tidak, kita akan hanyut mengikut arus aliran nilai semasa yang merosakkan.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,

8. Tanggungjawab untuk memerangi masalah dadah di negara ini bukan hanya menjadi tanggungjawab Kerajaan dan agensi-agensinya semata-mata. Tindakan anti dadah yang berkesan memerlukan penglibatan semua golongan masyarakat. Masalah dadah ialah masalah yang menular di dalam masyarakat dan dengan demikian setiap anggota masyarakat mempunyai peranan yang penting dalam membantu usaha-usaha Kerajaan dalam memerangi wabak ini. Saya sedar bahawa beberapa pertubuhan di negara ini, terutamanya PEMADAM, terlibat dalam beberapa kegiatan membantu usaha-usaha kerajaan dalam bidang pencegahan, khususnya. Walaupun begitu, saya percaya bahawa usaha-usaha yang telah dijalankan selama ini boleh dipertingkatkan lagi, memandangkan banyak pertubuhan dalam masyarakat yang masih belum lagi menyertai dan melibatkan diri dalam usaha-usaha memerangi dadah. Semua golongan masyarakat hendaklah tampil ke hadapan untuk bersama-sama memperhebatkan tindakan menentang musuh negara ini.

9. Jika kita soal diri kita kenapakah dahulu tidak ada masalah dadah di kalangan muda mudi kita tetapi sekarang ada, tidak dapat tidak kita akan akui bahawa sedikit sebanyak masalah ini disebabkan oleh perubahan kebudayaan dan adat resam kita. Dahulu anak muda kita lebih terkawal dan mereka terdedah semata-mata kepada kebudayaan bangsa sendiri dan tunjuk ajar ibu bapa. Sekarang anak muda kita lebih bebas, terdedah kepada bermacam-macam kebudayaan asing dan tidak sebegitu mudah dididik oleh ibu bapa. Dalam keadaan ini mereka mudah terperangkap dengan kegiatan-kegiatan luar yang tidak sihat. Mereka lebih mengutamakan pandangan rakan dan kawan daripada ibubapa dan keluarga. Untuk disanjung oleh kawan rakan, mereka mudah menunjuk kononnya keberanian mereka dengan menghisap rokok dan dadah. Sekali mereka bermula maka amat sukar bagi mereka memberhentikan amalan buruk ini kerana takut disindir oleh kawan. Tidak lama selepas itu maka mereka sudah menagih dadah dan tidak dapat lagi memberhentikan tabiat buruk itu. Semangat mereka menjadi luntur dan jika mereka diubati sehingga pulih sekalipun, kerap kali mereka balik kepada tabiat menagih dadah. Pendek kata, sekali mereka menjadi penagih maka amat sukar bagi mereka melepaskan diri. Justeru itu adalah penting mereka dikawal dari awal lagi supaya tidak bermula.

Tuan-tuan dan puan-puan,

10. Tugas mengawal anak kita tentulah bermula di rumah. Mereka harus dididik daripada kecil lagi bahawa dadah itu najis dan tidak boleh disentuh. Jika ini dapat ditanam dalam hati sanubari anak-anak kita daripada awal-awal lagi maka sebahagian daripada kejayaan mencegah dadah akan tercapai. Ibubapa juga harus mengawal gerak-geri anak-anak mereka supaya peluang mereka bercampur-gaul dengan

kumpulan-kumpulan yang tidak terkawal tidak berlaku. Sebaliknya anak-anak harus ada di rumah pada waktu-waktu tertentu.

11. Saya yakin jika ibubapa dapat menyemai nilai-nilai yang baik dan mengawal sedikit kebebasan anak remaja, penagihan dadah di kalangan mereka dapat dikurangkan. Berilah dorongan kepada kegiatan sukan. Tubuh badan kita adalah kurniaan Tuhan dan sebaik-baiknya tanda penghargaan kita kerana kurniaan ini ialah dengan memelihara tubuh badan kita daripada menjadi rosak. Sukan boleh menyegarkan tubuh badan. Sebaliknya dadah akan merosakkan tubuh badan. Oleh itu, masa lapang anak muda hendaklah dipenuhi dengan kegiatan-kegiatan membina seperti sukan. Ibubapa hendaklah memberi perhatian kepada perkara ini.

12. Selain daripada didikan dan pemeliharaan anak sendiri, ibubapa sama ada yang terlibat atau tidak, hendaklah mengambil bahagian dalam gerakan anti dadah. Mereka akan lebih mengetahui masalah ini dan pengetahuan ini berguna dalam usaha kita untuk membasmi atau mengurangkan penagihan dadah dalam masyarakat kita.

13. Kita harus sedar bahawa apa sahaja yang kita lakukan ke arah pencegahan dadah pada hari ini adalah untuk menyelamatkan generasi muda dan mewujudkan satu bangsa yang bermaruah dan dihormati. Saya sedar bahawa usaha-usaha untuk menyelamatkan generasi muda daripada terjerumus dalam perangkap dadah bukanlah satu usaha yang mudah. Memandangkan masalah ini telah melibatkan semua kaum, semua golongan masyarakat dan semua negeri di Malaysia, maka adalah menjadi tanggungjawab semua kaum untuk bersatu dan bersama-sama berganding bahu menentang ancaman ini secara bersungguh-sungguh dan berterusan.

Tuan-tuan dan puan-puan,

14. Saya mengucapkan syabas kepada BAKTI yang telah mengambil inisiatif untuk menghimpunkan semua pertubuhan-pertubuhan, persatuan-persatuan, badan-badan dan kesatuan-kesatuan yang terdiri daripada berbagai kaum dan agama di seluruh negara untuk mengemblingkan tenaga masyarakat ke arah membantu usaha-usaha Kerajaan dalam mengawal dan membenters dadah. Ini membuktikan bahawa BAKTI sentiasa sensitif terhadap masalah yang dihadapi oleh negara. Saya percaya daya usaha yang dipelopori oleh BAKTI ini akan dapat menanamkan kesedaran kepada masyarakat dan menentukan peranan yang benar-benar berkesan dapat dilakukan, khususnya oleh ibubapa secara individu dan secara kumpulan dalam membantu usaha-usaha pencegahan dadah di negara kita.

15. Dengan ini, saya dengan segala sukacitanya membuka Persidangan Kebangsaan Penglibatan Ibubapa Dalam Pencegahan Dadah dengan rasminya.
Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum
warahmatullahi wabarakatuh.

